

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : MQT (1)

**DARIPADA : TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH
[LEDANG]**

TARIKH : 28 SEPTEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

Tuan Syed Ibrahim Syed Noh [Ledang] minta Menteri Pengangkutan menjelaskan secara terperinci:

- (a) Data dan statistik kemalangan jalanraya melibatkan kesalahan pemanduan lawan arus dari Januari 2021 sehingga setakat ini.
- (b) Faktor penyumbang terhadap kesalahan dan kemalangan yang berlaku serta langkah-langkah yang diambil untuk membendungnya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan kepada data Kementerian Dalam Negeri (KDN), statistik nahas jalan raya yang melibatkan kesalahan pemanduan lawan arus dari Januari 2021 sehingga semasa adalah berjumlah 807 seperti pecahan kategori di bawah:-

| Kategori Nahas Jalan Raya | Jumlah Kemalangan |
|----------------------------------|--------------------------|
| Maut | 29 |
| Parah | 17 |
| Ringan | 49 |
| Rosak | 712 |

2. Kajian mendapati bahawa faktor manusia adalah merupakan penyumbang utama kepada berlakunya sesuatu nahas jalan raya terutamanya yang memandu melebihi had laju, memandu di bawah pengaruh alkohol dan dadah, pemanduan tidak fokus (seperti menggunakan telefon bimbit dan aplikasi tunjuk arah) dan tidak mematuhi peraturan jalan raya.

3. Faktor manusia ini pula boleh dikhususkan kepada dua penyebab iaitu aspek kompetensi melibatkan pengetahuan dan kemahiran memandu dan sikap yang menjurus kepada perangai dan mentaliti pemandu itu. Dalam kes berkaitan yang memandu lawan arus ini, kebelakangan ini telah kerap dilaporkan berlakunya kes-kes sedemikian yang disebabkan oleh pemandu yang memandu di bawah pengaruh alkohol atau dadah dan perkara ini amat membimbangkan.

NO. SOALAN: MQT (1)

4. Dalam hal ini, Kementerian Pengangkutan telah pun menguatkuaskan pindaan ke atas Akta Pengangkutan Jalan 1987 mulai 23 Oktober 2020. Antara lain, pindaan ke atas hukuman sedia ada termasuk meningkatkan kadar denda serta tempoh penjara telah dilaksanakan khususnya berkaitan dengan pemanduan di bawah pengaruh alkohol dan juga dadah. Pindaan hukuman ini merupakan satu bentuk *deterrence* dan memupuk kesedaran dalam kalangan ramai supaya mereka mematuhi undang-undang, dan apabila ia dilaksanakan, jalan raya di negara kita ini akan kekal selamat. Selain itu, nilai ambang melibatkan had kepekatan alkohol di dalam darah yang dibenarkan juga telah dipinda.
5. Selain daripada meminda Akta Pengangkutan jalan 1987, langkah-langkah berterusan lain juga telah dilaksanakan bukan sahaja oleh Kementerian Pengangkutan tetapi juga oleh pihak berkuasa dan pemegang taruh yang lain seperti contoh JPJ dan PDRM telah menjalankan banyak penguatkuasaan untuk membendung faktor manusia dalam sesuatu nahas jalan raya dan bertujuan meningkatkan tahap Persepsi Untuk Ditangkap atau *Perception of Being Caught* (POBC) seterusnya mengubah minda dan sikap manusia untuk mematuhi peraturan jalan raya.
6. MOT bersama JPJ dan MIROS juga secara berterusan meneliti dan menilai semula aspek pembelajaran dan pengujian bagi mendapatkan lesen memandu ke arah memastikan kompetensi pemandu yang bakal dilahirkan berada pada tahap yang tertinggi. JPJ juga mengawal aspek *road-worthiness* dan kualiti kenderaan menerusi penguatkuasan peraturan pembinaan dan penggunaan sesebuah kenderaan motor dan

NO. SOALAN: MQT (1)

peraturan pemeriksaan berkala ke atas kenderaan-kenderaan perdagangan.

7. Program-program advokasi dan kempen keselamatan juga dilaksanakan secara berterusan oleh pihak JPJ dan MIROS. Selain itu juga, MOT telah berkerjasama dengan Kementerian Pendidikan juga telah memperkenalkan program Pendidikan Keselamatan Jalan Raya (PKJR) bagi menanam sikap dan asas pemanduan berhemah serta pematuhan peraturan jalan raya bermula di peringkat pra-sekolah sehingga ke sekolah menengah.

Sekian, terima kasih.